

**SULIT**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN WAN HASAN BIN MOHD RAMLI  
[ DUNGUN - PAS ]**

**TARIKH : 16 MEI 2016 ( ISNIN )**

**SOALAN (NO. 139)**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan alasan yang lebih konkret mengenai nilai hadiah tempat pertama, kedua dan ketiga yang begitu rendah dalam program Junior Cycling Malaysia (JCM) 2016 pada April lalu ini dan apakah ini menggambarkan kedudukan kewangan di Kementerian berkenaan dalam keadaan kritikal.

**SULIT****JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Kementerian melalui Majlis Sukan Negara (MSN) telah mengambil inisiatif untuk menganjurkan sirkit kriterium yang dikenali sebagai program Junior Cycling Malaysia (JCM) bagi memenuhi harapan orang ramai yang memerlukan satu kejohanan berbasikal dengan penyertaan yang lebih meluas diperingkat semua umur.
2. Penganjuran sirkit pertama JCM yang dilaksanakan pada 8 April 2016 lalu telah menjadi viral di laman sosial berikutan nilai hadiah wang kemenangan tempat pertama, kedua dan ketiga yang begitu rendah yang dipamerkan ketika pemenang menerima replika cek di pentas utama. Nilai hadiah wang tersebut telah pun ditetapkan berdasarkan peruntukan kewangan bagi melaksanakan sebanyak 14 sirkit kriterium di seluruh negara pada tahun 2016 dengan peruntukan keseluruhan sebanyak RM 2 juta.
3. Penetapan nilai wang hadiah kemenangan tersebut juga diambil kira berdasarkan beberapa faktor seperti yuran penyertaan yang tidak dikenakan kepada 6 kategori bawah umur 19 tahun (lelaki dan wanita), ‘goodies’ yang disediakan kepada peserta yang mengandungi t’shirt, bip race dan cenderamata serta hadiah iringan lain seperti pingat, sijil penyertaan dan cenderamata.

**SULIT**

4. Perlu diperjelaskan bahawa penganjuran JCM ini tidak menumpukan kepada apa yang ditawarkan kepada pemenang tetapi lebih menumpukan kepada aspek-aspek teknikal penganjuran supaya semua peserta di setiap kategori dapat merasai dan bersaing dalam suasana yang profesional.

Sekian, terima kasih.